

(Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 13/1/2016

Muka surat: 4

Tajuk : Penyelidik UNIMAS menangi Anugerah Stephen Leatherwood

Penyelidik UNIMAS menangi Anugerah Stephen Leatherwood

KOTASAMARAHAN: Pegawai Penyelidik Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Cindy Peter muncul sebagai pemenang sulung daripada UNIMAS memenangi Anugerah Stephen Leatherwood, baru-baru ini.

Berkat sayang dan cintanya kepada spesies ikan paus terutama ikan lumba-lumba atau dolfin, mendatangkan rezeki besar buat Cindy apabila memenangi anugerah yang menjadi rebutan pada Persidangan Mamalogi Marin Ke-21 di San Francisco hujung tahun lalu.

Cindy yang merupakan pegawai penyelidik di Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) UNIMAS berjaya menyingkirkan beberapa penyelidik dari Asia termasuk Filipina, Singapura dan Indonesia yang turut menyertai pembentangan kertas kerja bagi memenangi anugerah berkenaan.



MEMBANGGAKAN: Cindy menunjukkan Anugerah Stephen Leatherwood yang dimenangnya.

Menurut Cindy, beliau tidak menyangka akan memenangi anugerah berkenaan memandangkan pesaing-pesaing

lain mempunyai kertas pembentangan yang meyakinkan.

Beliau hanya membentangkan kajian berkaitan pertindihan aktiviti perikanan dan taburan spesies ikan paus dan lumba-lumba di Santubong, Sarawak.

“Saya amat bersyukur kerana memenangi anugerah ini dan berterima kasih kepada UNIMAS dan Persekutuan Mamalogi Marin atas kerjasama dan bantuan sepanjang penyertaan saya dalam persidangan ini,” katanya semasa ditemui di IBEC baru-baru ini.

Anugerah berkenaan sememangnya ditunggu-tunggu kerana ia peluang untuk penyelidik muda dari Asia membentangkan kertas kerja paling cemerlang dengan kaedah perlindungan haiwan yang baik.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat